

SOALAN NO: 88

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD
IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT]**
TARIKH : 1 OGOS 2017
SOALAN : 88

YB Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Bin Abdul Hamid (B) [Lumut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyelesaian berkaitan masalah parkir di Hospital-hospital Kerajaan khususnya Hospital Seri Manjung.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari bahawa wujud isu berhubung kekurangan petak tempat letak kereta (TLK) di kebanyakan fasiliti kesihatan Kerajaan milik KKM. Hal ini timbul berikutan pertambahan pengunjung yang mendapatkan rawatan di fasiliti-fasiliti tersebut. Dalam hal ini, KKM telah mengenal pasti fasiliti Kesihatan yang menghadapi masalah kritikal di mana kebanyakan fasiliti tersebut terletak di kawasan Lembah Klang. Antara langkah yang sedang diambil oleh KKM ialah perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan TLK Bertingkat secara Kerjasama Awam Swasta (*Public Private Parntership – PPP*) melalui kaedah *Build-Operate-Transfer* (BOT), di mana Kerajaan memberikan peluang kepada pihak luar untuk

menambah dan mengoperasikan ruang TLK sedia ada di Hospital-hospital. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengoperasian perkhidmatan Hospital di samping membantu melicinkan aliran trafik dan kesesakan tempat letak kereta di sekitar kawasan Hospital. Walau bagaimanapun, terdapat implikasi sekiranya Projek ini dilaksanakan, di mana syarikat yang dilantik mengoperasikan perkhidmatan TLK tersebut akan mengenakan caj kepada orang ramai. Dalam hal ini, KKM perlu berunding dengan syarikat yang dilantik bagi memastikan caj yang bakal dikenakan tidak membebankan orang ramai.

Sehingga kini, KKM masih belum menerima sebarang permohonan daripada pihak Pemaju mahupun hospital mengenai keperluan pembinaan kompleks TLK secara BOT di Hospital Manjung. Dalam situasi ini, KKM akan mempertimbangkan pelaksanaan Projek pembinaan TLK secara PPP melalui kaedah BOT sekiranya terdapat permintaan atau keperluan daripada pihak Pengurusan Hospital.